# ABSTRAK

Penulisan ini merupakan satu kajian terhadap kefahaman dan sambutan masyarakat di Bagan Serai, Perak terhadap skim takaful. Skim takaful yang menjadi subjek kajian ini merangkumi produk-produk Takaful Am dan Takaful Keluarga yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat takaful di Malaysia. Tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk melihat sejauhmana sambutan masyarakat terhadap produk-produk takaful. Ia juga bertujuan mengkaji sejauhmana kefahaman masyarakat terhadap konsep dan pelaksanaan takaful mempengaruhi penerimaan mereka terhadap produk-produk ini. Bagi mencapai objektif di atas metode soal selidik telah digunakan. Sebanyak 35 soalan (termasuk soalan pilihan ) telah dikemukakan kepada 100 orang responden yang meliputi pembolehubah bersandar iaitu kefahaman terhadap skim takaful, sambutan terhadap skim takaful dan hubungan kefahaman dengan sambutan terhadap skim takaful. Pembolehubah bebas dikaji dari aspek jantina, pekerjaan dan pendapatan sebagai pengaruh kepada kefahaman dan sambutan masyarakat terhadap skim takaful. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pembolehubah bebas tidak banyak mempengaruhi pembolehubah bersandar berdasarkan kepada ujian khi kuasa dua pada paras signifikan 0.05. Kajian ini juga mendapati kefahaman masyarakat berada di tahap yang sederhana berbanding sambutan yang masih berada di tahap yang rendah. Di samping itu, hasil kajian turut membuktikan bahawa terdapat hubungan di antara kefahaman terhadap skim takaful dengan sambutan terhadapnya. Begitupun hubungan tersebut tidaklah begitu kuat.

**THE COMMUNITY'S UNDERSTANDING AND RESPONSE TOWARDS TAKAFUL SCHEME : A RESEARCH IN BAGAN SERAI, PERAK.**

## ABSTRACT

This writing is a research about the community's understanding and response in Bagan Serai towards the Takaful Scheme. This scheme which is the subject of research includes products by 'Takaful Am' and ' Takaful Keluarga' that are offered by the companies in Malaysia. The reason for this research is to see how far the response of the community's towards the products of Takaful. It also delves into the understanding of the community towards the concept and implementation of Takaful that influences their acceptance of these products. In order to achieve this objective, an inquiry metode was used. Questionnaires with 35 questions including Multiple Choice questions were given to 100 respondents. The dependant variables includes understanding and response of Takaful Scheme and the connection between the two aspects. The independent variables are sex, occupation and wages that influence the understanding and response of the community. The result of this research shows that dependant variables are not much affected by independants variables depending on the chi-square test on the significance level of 0.05 . This research shows that the understanding of the community is at an average level in comparison with the response which is at a low level. In addition, the result of this finding also proves that there is a connection between the understanding and response. However, this is not too obvious.

# الملخص

يتعلق البحث بردود فعل مجتمع منطقة "باكان سراي" تجاه مخططات التكافل الإسلامي. ومخططات التكافل موضوع البحث تتضمن نتاجات تمت من خلال تطبيق مخططات التكافل العام والتكافل العائلي الذين قامت بتوفيرهما الشركات الماليزية. السبب في إجراء هذا البحث هو لمعرفة مدى استجابة المجتمع تجاه المنتجات الصادرة عن هذه المخططات. فلأجل تنفيذ و تحقيق أهداف هذا البحث تم استخدام طريقة الإستبيان و البحث . فاستمارة الاستبيان احتوت على ٣٥ سؤالا تمت الإجابة عنها بالإستخدام تقنية "الإختيارات المتعددة" . وقد تم توزيع نسخ الإستتبيان على ١٠٠ مستبين . والعوامل المستقلة ذات العلاقة بموضوع البحث هى الجنس والوظيفة والأجور التى لها أثر في الإستجابة . والنتائج المستخلصة من البحث بينت عدم وجود أثر ذات قيمة لهذا العوامل المستقلة في ردود الإستفتاء . والعملية الإحصائية التى استخدمت في توضيح العلاقة بين ردود الأفعال والعوامل المستقلة هي "كاي سكوير تحت احتمالية تكرار الخطأ بمقدار ٥ %". والنتيجة للبحث توضح أن فهم واستعاب مجتمع العيّنة تجاه مخططات التكافل كان بمستوى عاد مقارنة بمستوى الردود التي كانت في حدود الدنيا. بالإضافة لهذا فقد بيّنت نتائج البحث وجود علاقة بين الفهم والإستجابة على الرغم من كون هذه النتيجة غير واضحة بشكل موكد.